

# ANALISIS PENYEBARAN HADIS-HADIS QUDSI DI TIKTOK

## *ANALYSIS OF THE DISTRIBUTION OF QUDSI HADITH ON TIKTOK*

**Fatin Nor Aqilah Binti Mohd Norroe<sup>1</sup>**

**`Ainul Mardhiah Binti Khairul Azhar<sup>2</sup>**

**Nurul Nabilla Natasha Binti Abdullah<sup>3</sup>**

**Syed Najihuddin bin Syed Hassan<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,  
(E-mail: fatinaqilah524@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: muharrik@raudah.usim.edu.my)

<sup>3</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: nabillanatashaaa@raudah.usim.edu.my)

<sup>4</sup> Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

### Article history

**Received date** : 7-8-2023

**Revised date** : 8-8-2023

**Accepted date** : 25-9-2023

**Published date** : 15-10-2023

### To cite this document:

Mohd Norroe, F. N. A., Khairul Azhar, A. M., Abdullah, N. N. N., & Syed Hassan, S. N. (2023). Analisis penyebaran hadis-hadis Qudsi di Tiktok. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6 (11), 13 - 28.

**Abstrak:** Tiktok merupakan salah satu platform sosial media yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat dunia pada masa kini. Aplikasi baru ini bukan sahaja mudah diakses dan menarik malah ia sebuah aplikasi dimana pengguna boleh mengedit serta berkongsi pelbagai jenis kandungan video. Hal ini dilihat lebih inovatif dan kreatif dalam proses pembelajaran dan penyebaran ilmu agama kepada masyarakat. Namun, ruang lingkup penggunaan Tiktok yang meluas dan terbuka menyebabkan banyak saluran hiburan yang lebih mendominasi berbanding perkongsian kandungan ilmiah. Perkongsian kandungan ilmiah seperti hadis qudsi penting untuk disampaikan supaya masyarakat lebih menghayati ilmu agama dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana, hadis qudsi merupakan hadis yang terkandung firman Allah SWT dan lafaznya dari Rasulullah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penyebaran hadis qudsi di medium Tiktok. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Hasil kajian ini mendapati jumlah penyebaran hadis qudsi di Tiktok masih berkurangan sebagai kandungan perkongsian kepada masyarakat. Justeru, para pendakwah perlu seiring dengan kemodenan teknologi sebagai wasilah dakwah yang sesuai dengan keperluan zaman. Kesimpulannya, kewujudan platform Tiktok dewasa kini menjadi aplikasi terbaik yang menggabungkan elemen audio dan visual dalam menyampaikan informasi berkaitan hadis sekaligus dapat memartabatkan hadis sebagai sumber Islam ke dua yang perlu dipelihara sepanjang zaman.

**Kata Kunci:** Penyebaran, Hadis Qudsi, Tiktok, Wasilah

**Abstract:** *Tiktok is one of the most popular social media platforms in the world today. This new application is not only easy to access and interesting but it is an application where users can edit and share various types of video content. This is seen as more innovative and creative in the process of learning and spreading religious knowledge to the community. However, Tiktok's wide and open scope of use has led to many entertainment channels dominating more than scientific content sharing. The sharing of scientific content such as hadith qudsi is important to convey so that the community appreciates religious knowledge more in life. This is so because the hadith qudsi is a hadith that contains the words of Allah SWT and the utterances of the Messenger of Allah. Therefore, this study aims to analyze the spread of hadith qudsi in the Tiktok medium. The type of method used in this study is a qualitative method. The results of this study found that the amount of hadith qudsi spread on Tiktok is still decreasing as content shared with the community. Thus, the preachers need to keep up with the modernity of technology as a means of preaching that fits the needs of the times. In conclusion, the existence of the Tiktok platform for adults is now the best application that combines audio and visual elements in conveying information related to the hadith while also being able to dignify the hadith as the second source of Islam that needs to be preserved throughout the ages.*

**Keywords:** Spreading, Qudsi hadis, TikTok, approach

## Pendahuluan

Dunia teknologi saat ini berkembang sangat pesat, sehingga banyak kemudahan teknologi yang wujud bagi memudahkan manusia untuk bekerja dan berkomunikasi. Antara salah satunya adalah media sosial seperti *TikTok*, *Instagram*, *Facebook*, *Twitter* dan lain-lain. Secara umumnya, media sosial merupakan media yang mewadahi kerjasama antara pengguna yang menghasilkan konten (Tasha, 2022). Hal ini demikian kerana, dengan menggunakan media sosial pengguna dapat berkongsi pelbagai konten yang berisikan berita, gambar dan juga video antara satu sama lain walaupun jauh. Di samping itu, perkara yang menjadi daya tarikan terhadap media sosial juga adalah pengguna dapat mengakses pelbagai maklumat, hiburan, pendidikan serta dakwah yang hanya boleh didapati di hujung jari sahaja. Oleh itu, perkara ini memudahkan pengguna untuk menggunakan media sosial walau dimanapun berada.

Selain itu, jika dilihat pada masa kini, aplikasi *TikTok* merupakan aplikasi yang semakin popular dan tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat. Aplikasi tiktok merupakan sebuah jaringan sosial dan platform video musik Tiongkok dan diluncurkan pada September 2016 (Riska 2021). Aplikasi ini terkenal dengan pelbagai perkongsian video dan kebanyakannya konten yang mengandungi hal-hal hiburan dan tidak ketinggalan juga yang bernilai positif. Salah satunya adalah konten yang mengandungi nilai dakwah seperti perkongsian ilmu hadis dan al-Quran kepada masyarakat. Perkongsian konten-konten seperti ini amat diperlukan untuk menyedarkan masyarakat agar tidak terleka dengan hiburan sahaja malah turut dapat menambahkan ilmu agama dengan konten ilmiah. Walaubagaimanapun, kajian ini akan memfokuskan kepada penyebaran hadis-hadis qudsi yang terdapat di dalam aplikasi Tiktok agar dapat mengetahui kesahihan hadis qudsi yang telah banyak disebarluaskan itu samaada sahih ataupun palsu.

## Permasalahan Kajian

Berdasarkan pemerhatian secara langsung pengkaji sebagai pengguna media sosial, pengkaji mendapati masyarakat kini terdedah dengan lautan informasi maklumat sehingga tidak terkawal dari sudut keabsahannya. Jika dilihat pada masa kini, masyarakat lebih gemar menggunakan

aplikasi TikTok dan mengikuti individu yang berpengaruh atau pautan yang mempunyai ramai pengikut. Lantas, permasalahan ini timbul kerana kurangnya kawalan terhadap sebaran hadis termasuklah hadis qudsi dan tersebarnya hadis palsu di aplikasi TikTok tersebut. Perkara yang lebih merisaukan adalah sebaran hadis palsu itu disampaikan oleh individu berpengaruh di negara ini. Bukan itu sahaja, pengkaji mendapati bahawa ratusan ribu pengguna TikTok yang lain pula menyebarkan video tersebut. Setelah meneliti permasalahan tersebut, pengkaji memutuskan untuk mengkaji “*Analisis Penyebaran Hadis-Hadis Qudsi di Tiktok*”.

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, maka kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Untuk menjelaskan definisi aplikasi Tiktok dan hadis Qudsi.
2. Untuk menganalisis penyebaran hadis qudsi dan kesahihannya yang disampaikan di medium Tiktok.
3. Untuk mengkaji hadis Qudsi yang mendapat sambutan dalam kalangan pengguna di Tiktok.

### **Metodologi Kajian**

Kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menyiapkan tugas ini adalah berbentuk kualitatif iaitu kajian melalui kaedah pemerhatian dan kaedah kepustakaan. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang memerlukan pengkaji meneliti beberapa video di Tiktok berkenaan dengan tajuk kajian. Manakala, kaedah kepustakaan pula ialah mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber rujukan seperti buku, artikel dan jurnal. Kajian ini akan dikupas dengan lebih mendalam mengenai hadis qudsi yang banyak mendapat sambutan di dalam aplikasi TikTok.

### **Kajian Literatur**

Terdapat pelbagai kajian telah dilakukan oleh ahli akademik tentang penyampaian dakwah ilmu agama melalui medium media sosial. Antara kajian yang didapati ialah kajian oleh Fatin, 2022 yang bertajuk “*Keberkesanan Aplikasi TikTok Dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran dan Sunnah Dalam Kalangan Masyarakat*”. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui keberkesanan berdakwah menggunakan aplikasi TikTok kepada masyarakat. Kaedah kajian ini dilakukan secara kuantitatif di mana dapatkan kajian diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden untuk mengetahui keberkesan tersebut. Hasil kajian mendapati, penggunaan teknologi adalah bergantung kepada tatacara penggunaannya sama ada ke arah kebaikan ataupun keburukan.

Selain itu, di dalam penulisan Noradilah (2020), turut membahaskan mengenai peranan media sosial sebagai medium dakwah yang sesuai dengan keperluan zaman di dalam artikelnya yang bertajuk “*Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini*”. Hasil penulisan ini dapat menjadi panduan asas kepada para pendakwah dan masyarakat dalam menerima serta menggunakan maklumat-maklumat yang terdapat di dalam media sosial.

Di samping itu, menurut kajian oleh Nur Syahidah Izhan (2022) yang bertajuk “*Cabar Berdakwah Menerusi Media Sosial Dalam Kalangan Pelajar*” mengatakan bahawa platform media sosial merupakan salah satu cabaran untuk berdakwah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep dakwah dan mengenalpasti tahap penggunaan teknologi canggih dalam kalangan pelajar menerusi media sosial serta menganalisis cabaran berdakwah dalam kalangan pelajar menerusi platform media. Justeru, pengkaji menggunakan kaedah yang berbentuk

kualitatif dan kuantitatif iaitu kaedah kepustakaan dan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci.

Seterusnya, pengkaji juga turut mengkaji kajian literatur berkaitan dengan hadis qudsi. Terdapat beberapa kajian yang didapati, antaranya ialah kajian yang berkisar tentang hubungan antara pembelajaran hadis qudsi dengan karakter pendakwah kepada komuniti kajian lapangan di Probolinggo oleh Irfan, 2022. Dalam kajian ini, pengkaji mengatakan pendidikan hadis qudsi adalah mengajar dan mendidik orang lain tentang hadis qudsi yang diriwayatkan oleh Rasulullah SAW dari Allah SWT, sedangkan akhlak beragama adalah sifat agama yang melekat dan terwujud dalam perilaku dan perbuatan seseorang. Hasil kajian ini mendapat semakin tinggi pelajaran hadis qudsi, semakin tinggi akhlak para pendakwah.

Selain itu, terdapat juga kajian tentang perbezaan antara sanad quran dengan hadis serta kesan pebezaan tersebut dalam artikel “*Sanad Qiraat Dan Hadis : Analisa Terhadap Proses Pengijazahan*” oleh Norazman Alias (2018). Antara kelebihan kajian ini adalah menerangkan sifat-sifat ulama untuk mencapai isnad yang tertinggi iaitu dengan bermusafir ke negara lain bagi bertemu dengan perawi asal. Dalam kajian ini menjelaskan bagaimana para ulama mengelakkan berlaku salah fahaman dalam menyampaikan ilmu samada secara sengaja atau tidak sengaja. Selain itu penulis juga mendatangkan lapan peringkat pengijazahan hadis di dalam artikelnnya iaitu *turuq al-tahammul, al-sama` , al-qiraah, al-ijazah, al-munawalah, al-mukatabah, al-`Ilam, al-wasiyyah bil kitab dan al-wijadah* untuk pengetahuan pembaca tentang ilmu periwayatan hadis (al-Sakhawiy, 2003). Oleh itu penting untuk mengetahui tujuan pengijazahan sesuatu hadis disebabkan untuk menjaga keselamatan periwayatan hadis tersebut bukan sekadar mendapat isnad yang tertinggi sahaja.

Akhir sekali, kajian adalah berkaitan Aplikasi Hadis Digital (AHD) yang merupakan medium capaian hadis secara maya. Dalam kajian artikel yang bertajuk “*Prestasi Aplikasi Hadis Digital (Ahd) Dalam Persekutaran Interaktif*” penulis memfokuskan aspek dan kriteria ilmu takhrij yang perlu ada dalam setiap AHD yang paling popular dalam kalangan akademia dan pelajar bidang hadis di Universiti Awam di Malaysia. Kajian ini mengupas tentang usaha pendigitalan hadis yang bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna malahan selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) serta mampu melahirkan masyarakat celik hadis dari masa ke semasa. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu soal selidik terhadap pelajar, akademia, dan penyelidik bidang hadis di Universiti Awam. Hasil kajian ini dapat memperkenalkan aplikasi hadis yang terkandung pelbagai jenis kitab takhrij dari pelbagai jilid serta kitab biografi tokoh hadis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Arab.

### Tiktok Sebagai Media Sosial Baru

Aplikasi TikTok ialah sebuah aplikasi video-video pendek berdurasi selama tiga minit yang telah dilancarkan oleh ByteDance iaitu sebuah perusahaan di China pada awal September 2016. Akan tetapi telah timbul nama baharu di negara China yang dikenali sebagai Douyin dan pengasasnya ialah Zhang Yimin. Pada tahun 2017, aplikasi Douyin ini telah popular dengan satu juta tayangan video pada setiap hari dan mempunyai 100 juta pengguna dalam jangka masa setahun. Oleh kerana itu, aplikasi ini semakin dikenali ramai dan telah berkembang ke luar China dengan nama baharu yang lebih menarik iaitu TikTok.

TikTok merupakan salah satu platform media sosial yang paling cepat masa perkembangannya di dunia (Fatin, 2022). TikTok bagi sesetengah masyarakat merupakan satu aplikasi hiburan yang diciptakan untuk semua golongan dan tidak ada batasan dalam penggunaannya. Aplikasi

ini menjadi popular khususnya di negara Jepun dan Thailand. Di Malaysia pula, aplikasi TikTok menjadi salah satu platform untuk mempromosikan barang berjenama, berkongsi program-program televisyen untuk menarik minat pengguna dan membuat jualan secara atas talian. Pada tahun 2017, TikTok telah menjadi aplikasi percuma yang paling banyak dimuat turun di ‘*Apple Store*’ dan ‘*Google Play Store*’. Pada tahun 2019 iaitu setelah empat tahun aplikasi ini diperkenalkan, kira-kira 500 juta pengguna yang aktif di seluruh dunia menggunakan aplikasi ini.

### **Kelebihan dan Kekurangan Aplikasi TikTok**

Setiap aplikasi media sosial pastinya terdapat kebaikan dan juga keburukan tersendiri. Aplikasi TikTok juga membawa kesan yang positif dalam kalangan pengguna aplikasi ini. Antaranya ialah, mendorong seseorang untuk membuat pelbagai video yang kreatif dari pelbagai bidang seperti dalam bidang tarian, melukis, menyampaikan kata-kata motivasi dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, aplikasi TikTok juga menjadi salah satu platform untuk pendakwah menyebarkan dakwah dan berkongsi ilmu agama. Sebagai contoh, perkongsian dakwah oleh para ulama’, ustaz dan ustazah yang memiliki ilmu agama yang tinggi dan fasih dalam bidang mereka telah menyebabkan muncul ramainya pendakwah muda yang turut mengikuti cara mereka menyampaikan dakwah. Dengan ini, orang ramai mula tertarik dengan kaedah baru penyampaian dakwah dan berminat untuk mempelajari tentang ilmu agama. Peranan golongan milenial dalam bidang dakwah juga penting terutama yang berkaitan dengan teknologi dan kemudiannya menjadi satu peluang besar untuk mengembangkan lagi bidang dakwah dimana golongan milenial ini diharapkan untuk menyebarluaskan dakwah Islamiah kepada masyarakat.

Menurut Fatin Amanina (2021) yang terdapat didalam kajiannya mengatakan, “*Aplikasi TikTok pada masa kini, bukan sahaja digunakan sebagai medium hiburan semata. Malah, ia juga dimanfaatkan untuk tujuan berkongsi ilmu. Misalnya, di TikTok terdapat guru yang berkongsikan ilmu mata pelajaran, doktor yang berkongsi ilmu perubatan dan kini terdapat golongan agamawan yang menggunakan platform ini sebagai medium dakwah mereka*”. Untuk mengukuhkan lagi perkara ini, contoh yang boleh diambil ialah Ustazah Asma Harun, seorang pendakwah dan penceramah bebas yang kini semakin aktif di TikTok dan mempunyai lebih daripada 650 ribu orang pengikut yang mengikuti akaun TikTok beliau. Beliau kini bergiat semakin aktif di TikTok dalam menyampaikan dakwahnya yang berbentuk ceramah video pendek dan membuat live streaming di TikTok. Setiap video yang dimuat naik oleh beliau kebiasaannya akan ditonton melebihi 100 ribu orang penonton.

Aplikasi TikTok dahulunya sering dikecam oleh segelintir rakyat Malaysia kerana kandungan video yang di muat naik oleh mereka menimbulkan kekhawatiran di kalangan pengguna yang lain. Hal ini kerana, kandungan video yang dirakam oleh mereka telah menghilangkan rasa malu dalam diri mereka sebagai seorang muslim atau muslimah yang berpegang dengan ajaran Islam. Selain itu, TikTok juga telah meningkatkan ketagihan penggunaan gajet di dalam harian mereka sehingga mengabaikan perkara-perkara yang lain dan mereka telah menjadi kurang produktif untuk mengerjakan sesuatu yang lebih bermanfaat.

Di samping itu, kandungan video yang dibuat oleh pengguna TikTok kebanyakannya tidak ditapis terlebih dahulu sama ada boleh di muat naik atau tidak. Disebabkan ini, ramai anak muda yang di bawah umur terpengaruh dengan isi kandungan video yang negatif tersebut. Keinginan untuk viral dan menjadi terkenal juga telah mendorong sesetengah pengguna TikTok untuk memuat naik video yang tidak sepatutnya seperti tarian yang seksi, berpakaian yang menjolokkan mata, membuat kandungan video sensitif yang melibatkan agama dan bangsa.

Seperti yang telah diketahui, durasi video yang boleh dimuat naik di akaun TikTok hanyalah selama 15 saat dan tidak sepanjang video di youtube. Oleh yang demikian, kesan negatif yang berlaku ialah kesalahfahaman mengenai video ceramah yang singkat dan telah dipotong. Tambahan lagi, dapat menimbulkan kebimbangan tentang kesahihan hadis yang dibaca di dalam video tersebut jika tidak dikaji dan diterangkan oleh orang yang pakar dalam bidang hadis. Secara tuntas, penggunaan aplikasi media sosial sama ada TikTok, Instagram dan lain-lain bergantung kepada diri pengguna itu sendiri, bagaimana cara mereka menggunakan dan mengaplikasikan ilmu yang didapati dalam kehidupan harian mereka. Jika ianya digunakan dengan cara yang baik, maka kuranglah isu negatif yang timbul dan memperbanyakkan lagi konten Islamik serta video dakwah yang kreatif dan dapat menarik minat mereka untuk mendengar video ceramah yang menyampaikan mengenai al-Quran dan sunnah.

### **Definisi Hadis Qudsi**

Al Jurjani mendefinisikan hadis Qudsi dalam hasil penulisannya “*al-Ta’rifat*” sebagai hadis yang maknanya datang daripada Allah, sementara lafaznya daripada Rasulullah SAW (Abdul Fatah, 2016). Hadis qudsi adalah berita daripada Allah SWT kepada Nabi-Nya melalui ilham atau mimpi. Kemudian Rasulullah SAW menyampaikannya dengan ucapan atau lafaz daripada baginda sendiri.

Selain itu, menurut Ibnu Hajar dalam kitabnya “*Ta’rif ahli al-Taqdīs*” memberikan pengertian hadis Qudsi ialah hadis yang dikategorikan sebagai hadis-hadis Ilahiyyah (Ketuhanan). Hal ini demikian kerana, hadis Qudsi kemungkinannya diambil oleh Nabi dari Allah SWT dengan melalui perantara atau tidak. Oleh itu, penyebutan hadis Qudsi kepada Allah SWT adalah kerana penyebutan isi kandungannya bukan penyebutan lafaznya. Hal ini kerana, perlu difahami jika lafaz hadis Qudsi itu daripada Allah, maka ia tidak berbeza dengan Al-Quran.

### **Hukum Hadis Qudsi**

Hukum hadis qudsi boleh dikategorikan sebagai sahih, hasan, dhoif dan maudu’. Hal ini kerana, kedudukan dan statusnya dinilai berdasarkan penilaian sanad hadis. Jika hadis qudsi tersebut memenuhi syarat-syarat hadis saih maka hukumnya adalah sahih dan jika tidak memenuhi syarat-syarat hadis saih maka hukumnya adalah dhoif. Untuk mengetahui kesahihan sesuatu hadis adalah dengan melihat kepada kaedah yang telah ditentukan oleh ulama hadis untuk menilai sesuatu hadis. Kaedah menilai hadis qudsi adalah sama seperti kaedah untuk menilai hadis nabawi dalam menentukan samada sahih, hasan dan dhoif.

### **Cara Mengenalpasti Hadis Qudsi**

Terdapat beberapa ciri-ciri untuk mengenalpasti hadis qudsi iaitu dengan terdapatnya kalimah seperti berikut:

- i. Menggunakan lafaz: *Qaala Allahu 'Azzawajalla* atau *Yaquulu Allah* (قال الله عزوجل)
- ii. Menggunakan lafaz: *Fi Ma Yarwiihi 'Ani Allahi Tabaaraka Wata'ala* (في ما يرويه عن الله تبارك وتعالى)
- iii. Lafaz-lafaz lain yang sama makna dengan apa yang tersebut di atas. Sedangkan hadis-hadis nabawi tiada tanda atau ciri-ciri yang demikian.

### **Kitab-kitab yang Memuat Hadis Qudsi**

Berikut merupakan antara kitab-kitab yang secara khusus ditulis oleh para ulama untuk mengumpul hadis-hadis qudsi:

1. Al-Mawa'iz fi al-Ahadith al-Qudsiyyah karya Imam al-Ghazali (w. 505 H)
  2. Al-Arba'un al-Ilahiyyah karya Ibn al-Mufaddal al-Maqdisi (w. 611 H)
  3. Mishkat al-Anwar fima ruwiya 'an Allah Subhanahu Min al-Akhbar karya Abu 'Abdillah Muhammad bin 'Ali bin al- 'Arabi al-Ta'I (w. 638 H)
  4. Al-Ahadith al-Qudsiyyah karya Imam al-Nawawi (w. 676 H)
  5. Al-Maqasid al-Saniyyah fi al-Ahadith al-Ilahiyyah karya Ibn Balbab al- Farisi (w.739 H)
  6. Al-Arba'un al-Ilahiyyah min Riwayah Khayr al-Bariyyah karya
  7. Salahuddin al- 'Ala'I (w. 761 H)
  8. Arba'un Hadithan Qudsiyyah 'ala Tariqah al-Tasawwuf karya Jamaluddin al-Aqsara'I (w. 776 H)
  9. Al-Ahadith al-Qudsiyyah karya Ibn al-Diba' al-Shaybani (w. 944 H)
  10. Al-Ahadith al-Qudsiyyah wa al-Kalimat al-Insiyyah karya al-Mulla 'Alial-Qari (w. 1014 H)
  11. Al-Ittihafat al-Saniyyah fi al-Ahadith al-Qudsiyyah karya Muhammad bin Mahmud bi Salih al-Tirbizuni yang lebih dikenal dengan al-Madani (w.1200 H)
  12. Al-Ittihafat al-Saniyyah bi al-Ahadith al-Qudsiyyah karya Zaynuddin al-Munawi (w. 1031 H)

Dapatkan Kajian

Berikut adalah beberapa carian popular berkaitan hadis qudsi yang disebar di dalam aplikasi Tiktok. Kajian ini dilakukan berdasarkan video sebaran hadis qudsi yang mendapat kesukaan dan tontonan tertinggi, mendapat perkongsian yang paling banyak dan video yang di ‘hashtag’ dengan kata kunci hadis qudsi dalam kalangan pengguna Tiktok setakat 23 Disember 2022. Analisis dibincangkan berdasarkan tema, matan dan *takhrij* hadis.

**Jadual 1: Dapatan kajian hadis-hadis Qudsi yang disebar melalui aplikasi Tiktok**

No	Tema Hadis	Hadis	Takhrij	Jumlah Kesukaan	Jumlah Tontonan	Jumlah Perkongsian
1	Allah Seperti Sangkaan Hambanya <a href="https://vt.tiktok.com/ZS81xhmJU/">https://vt.tiktok.com/ZS81xhmJU/</a>	وعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: أَنَا عَنْدَ طِينٍ عَبْدِيٍّ بِي. مَتَّقِنْ عَلَيْهِ.  Maksudnya: <i>Dari padah Abu Hurairah radliyallaahu 'anhу, Rasulullah bersabda, Allah berfirman, "Aku sesuai dengan persangkaan hamba pada-Ku."(Muttafaqun 'alaih).</i>	Bukhari, <i>Sahih Bukhari,</i> <i>Kitab Tauhid,</i> No. 7505, <i>Sahih</i>	40.93K	284.5K	3352
2	Allah Mengabulkan Doa <a href="https://vt.tiktok.com/ZS819WB3N/">https://vt.tiktok.com/ZS819WB3N/</a>	إِذَا رَفَعَ الْعَبْدُ يَدِيهِ لِلسمَاءِ وَهُوَ عَاصِي فَيَقُولُ: يَا رَبِّ، فَتَحَجَّبَ الْمَلَائِكَةُ صَوْتَهُ، فَيَكْرِهُهَا: يَا رَبِّ، فَتَحَجَّبَ الْمَلَائِكَةُ صَوْتَهُ، فَيَكْرِهُهَا: يَا رَبِّ، فَتَحَجَّبَ الْمَلَائِكَةُ صَوْتَهُ، فَيَكْرِهُهَا فِي الرَّابِعَةِ، فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: إِلَى مَنِ تَحْجَبُونَ صَوْتَ عَبْدِيِّ عَنِّي؟! لَبِيكَ عَبْدِيُّ، لَبِيكَ عَبْدِيُّ، لَبِيكَ عَبْدِيُّ، لَبِيكَ عَبْدِيُّ  Maksudnya: <i>Bahawasanya jika seorang hamba mengangkat kedua</i>	Tidak sahih	675.6K	3.1M	29.7K

		<p>tangannya ke langit sementara dia adalah seorang yg bermaksiat lalu dia memanggil TuhanYa Ya Rab, kemudian malaikat menghalangi suaranya. Lalu hamba itu memanggil TuhanYa lagi, Ya Rab, kemudian malaikat menghalang suaranya lagi. Kemudian dia mngrulangi lagi sehingga ke 4 kalinya. Maka Allah Azza Wa Jalla berkata: Sampai kapan kalian (malaikat) akan menghalangi suara hamba-Ku kepadaKu..Labbaika ya abdi.. Labbaika ya abdi... Labbaika ya abdi... (Aku menyambut panggilanmu wahai hambaKu) Wahai anak-anak Adam, Aku menciptamu dengan kedua tangan-Ku dan Aku membimbingmu dengan nikmat-Ku.</p>				
3	Niat Yang Benar <a href="https://vt.tiktok.com/ZS81xmquT/">https://vt.tiktok.com/ZS81xmquT/</a>	<p>يا ابن آدم، خلقتك لعادتي؛ فلا تتعب، وقسمت لك رزقك؛ فلا تتعب، وفي أكثر منه فلا تطمع، فإن رضيتك بما قسمت لك أرجح نفسك، وكنت عندي محموداً، وإن لم ترض بما قسمت لك، فوعنتي وجلاي لأسلطن عليك الدنيا، تركض فيها ركض الوجه في البرية، ثم لا يكون لك فيها إلا ما قسمت لك، وكنت عندى مذموماً</p> <p>Maksudnya: Wahai anak-anak Adam, Aku menciptamu dengan kedua tangan-Ku dan Aku membimbingmu dengan nikmat-Ku. Sementara engkau menyimpang dari-Ku dan bermaksiat pada-Ku.Maka apabila engkau kembali pada-Ku Aku tetap akan menerima taubatmu, Maka di mana lagi engkau temukan tuhan seperti-Ku?, Jika engkau redha terhadap pembagian-Ku, maka akan Aku tenangkan jiwa dan ragamu, dan engkau menjadi orang terpandang di sisi-Ku. Dan jika engkau tidak redha terhadap pembahagian-Ku, maka Demi Kemuliaan dan Keperkasaan-Ku, sungguh</p>	Bukan hadis dan dari cerita Israiliyya t	441.2K	68.7K	16.6K

		<p>akan Aku bebankan engkau dengan dunia, engkau tercari-cari laksana haiwan melata di permukaan bumi, kemudian engkau tidak akan mendapatkan apa-apa selain yang telah Aku tetapkan, dan engkau menjadi orang tercela di sisi-Ku.</p>				
4	Pentingnya Kesungguhan Dalam Kebaikan <a href="https://vt.tiktok.com/ZS82BhX1Q/">https://vt.tiktok.com/ZS82BhX1Q/</a>	<p>عن أنس بن مالك وأبي هريرة رضي الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم فيما يرويه عن ربه عز وجل قال: «إِذَا تَقْرَبَ الْعَبْدُ إِلَيَّ شَرِيكًا تَقْرَبُ إِلَيَّ ذِرَاعًا، وَإِذَا تَقْرَبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقْرَبُ مِنْهُ بَاعًا، وَإِذَا أَتَانِي يَمْشِي أَئْتَهُ هَرْوَلَةً».</p> <p>Maksudnya: <i>Dari Anas r.a. dari Nabi sholallahu alaihi wassalam dalam sesuatu yang diriwayatkan dari Tuhananya 'Azzawajalla, firmanNya – "Jikalau seseorang hamba itu mendekat padaKu sejengkal, maka Aku mendekat padanya sehasta dan jikalau ia mendekat padaKu sehasta, maka Aku mendekat padanya sedepa. Jikalau hamba itu mendatangi Aku dengan berjalan, maka Aku mendatanginya dengan bergegas-gegas."</i> (Riwayat Bukhari)</p>	Bukhari, <i>Sahih Bukhari,</i> <i>Kitab Muqaddamat, Bab Mujahad ah, No. 96, Sahih</i>	748	3670	151
5	Bersabar Dengan Ujian <a href="https://vt.tiktok.com/ZS82B68kG/">https://vt.tiktok.com/ZS82B68kG/</a>	<p>إِنَّ عَظَمَ الْجَزَاءَ مَعَ عَظَمِ الْبَلَاءِ؛ وَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى إِذَا أَحَبَّ قَوْمًا ابْلَاهَمْ ، فَمِنْ رَضِيَ فَلَهُ الرِّضَى، وَمِنْ سُخطَ فَلَهُ</p> <p>Maksudnya: <i>Dari Anas r.a. meriwayatkan bahwa Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya besarnya pahala sesuai dengan besarnya ujian dan jika Allah mencintai suatu kaum Dia akan menguji mereka, siapa yang ridha maka baginya keridhaan (Allah) dan siapa yang murka maka baginya kemurkaan (Allah)." (Hadits riwayat Tirmidzi)</i></p>	Sunan Ibn Majah, <i>Kitab Al Fitān,</i> <i>Bab Sabr Ala Bala',</i> No.4031, Hasan	11.2K	58.4K	362
6	Allah Maha Pengampun <a href="https://vt.tiktok.com/ZS82BCo5P/">https://vt.tiktok.com/ZS82BCo5P/</a>	<p>عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَيَغْرِيُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى: «يَا ابْنَ آدَمَ إِنَّكَ مَا دَعَوْتَنِي وَرَجُوتَنِي عَغْرِيْتُكَ عَلَى مَا كَانَ فِيكَ وَلَا أُبَلَّيْتُكَ يَا ابْنَ آدَمَ لَوْ بَأْلَعْتُ دُنْيَكَ عَنَّا السَّمَاءَ ثُمَّ</p>	Sunan Tarmizi, <i>Bab Da'awat An Rasulilla h Salla</i>	38.6K	157.3K	3960

		<p style="text-align: center;">أَسْتَغْفِرُنِي عَزَّزْتُ لَكَ وَلَا أَبَالِي، يَا أَنَّ أَدَمَ إِنَّكَ لَوْ أَتَيْتَنِي بِعِزَابِ الْأَرْضِ حَطَّابًا لَمْ لَتَبْتَغِنِي لَا تَشْرُكُ بِنِ شَيْئًا لَا تَبْتَغِنَ لِبَرَاجِهَا مَغْفِرَةً</p> <p>Maksudnya: <i>Dari Anas bin Malik radhiyallahu 'anhu dia berkata: 'Aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Allah berfirman:" Wahai Bani Adam, sesungguhnya jika engkau senantiasa berdoa dan berharap kepada-Ku niscaya Aku akan mengampunimu semua dosa yang ada padamu dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam kalau seandainya dosamu setinggi langit, kemudian engkau memohon ampun kepada-Ku, niscaya aku akan memberikan ampunan kepadamu dan Aku tidak peduli. Wahai anak Adam seandainya engkau menghadap kepada-Ku dengan membawa dosa sepenuh bumi kemudian engkau berjumpa dengan-Ku dalam keadaan tidak menyekutukanKu dengan sesuatu apapun, niscaya Aku akan mendatangimu dengan ampunan sepenuh bumi pula."</i></p>	Allahu Alaihi Wassala m, No.3540, Hasan Sahih			
7	Tiga Mata yang Tidak Disentuh oleh Api Neraka <a href="https://vt.tiktok.com/ZS82BU4KC/">https://vt.tiktok.com/ZS82BU4KC/</a>	<p>عن معاوية بن حيدة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، ثلاثة لا ترى أعينهم النار: عين حرست في سبيل الله، وعين بكت من خشية الله، وعين كفت عن حرام الله.</p> <p>Maksudnya: <i>Muawiyah RA menyebutkan bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: "Ada tiga pasang mata tidak terlihat dalam neraka; iaitu mata yang menangis kerana takut kepada Allah, mata yang (tidak tertidur untuk) berjaga di jalan Allah dan mata yang menutup dari apa yang diharamkan oleh Allah," (HR al-Khila'i dalam kitab al-Fawa'id dan Ibnu 'Asakir dalam kitab at-Tarikh).</i></p>	At- Tabrani, <i>Mu'jam Al-Kabir</i> , No. 19/416, Hasan Lighairih	4239	117.1K	1898

8	Jangan Takut Terhadap Kekuasaan <a href="https://vt.tiktok.com/ZS82De7hr/">https://vt.tiktok.com/ZS82De7hr/</a>	<p>يا ابن آدم، لا تخافَ من ذي سلطان، ما دام سلطاني باقِيٌّ، وسلطاني لا ينفد أبداً. يا ابن آدم، لا تخش من ضيق الرزق وخزياني ملائنة، وخزياني لا تنفذ أبداً. يا ابن آدم، لا تسألني رزق الغد كما لم أطلبك بعمل الغد. يا ابن آدم، أنا لك محب؛ فبحقى عليك كن لي محب.</p> <p>Maksudnya: <i>Wahai anak Adam, Janganlah engkau takut kepada pemilik kekuasaan, selama kekuasaan-Ku masih ada dan kekuasaanKu tidak akan sirna selamanya. Wahai anak Adam Janganlah engkau cemaskan sempitnya rezeki, selama perbendaharaan-Ku masih ada dan perbendaharaan-Ku tidak akan habis selamanya. Wahai anak Adam, Janganlah engkau minta kepada-Ku rezekimu esok hari, Sebagaimana Aku tidak menyuruhmu melakukan pekerjaan esok hari, Wahai anak Adam, Aku sungguh mencintaimu, Maka demi hak-Ku di atasmu, jadilah engkau orang yang cinta kepada-Ku...</i></p>	Tidak Sahih	979	11.7K	201
9	Allah Mengharamkan Kezaliman <a href="https://vt.tiktok.com/ZS82Du5eT/">https://vt.tiktok.com/ZS82Du5eT/</a>	<p>عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا رَوَى عَنِ اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى، أَنَّهُ قَالَ: يَا عِبَادِي، إِنِّي حَرَّثْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي، وَجَعَلْتُهُ يَئِنْكُمْ مُحْرَّماً، فَلَا تَظَالَّمُوا، يَا عِبَادِي، كُلُّكُمْ حَنَّالٌ إِلَّا مِنْ هَذِهِنَّ، فَإِنْ شَهَدُوكُمْ أَهْنَكُمْ، يَا عِبَادِي، كُلُّكُمْ جَائِعٌ إِلَّا مِنْ أَطْعَمْتُهُ، فَإِنْ شَهَدُوكُمْ أَطْعَمْكُمْ، يَا عِبَادِي، كُلُّكُمْ غَارٍ إِلَّا مِنْ كَسُوتَهُ، فَإِنْ شَهَدُوكُمْ أَنْسَكُمْ، يَا عِبَادِي، إِنْكُمْ تُخْطَلُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، وَأَنَا أَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَيْعاً، فَإِنْ شَهَدُوكُمْ أَغْفِرُ لَكُمْ، يَا عِبَادِي، إِنْكُمْ لَنْ تَبْلُغُوا حِسْرِي فَتَضَرُّونِي، وَلَنْ تَبْلُغُوا نَعْيِ فَتَشَعُّونِي، يَا عِبَادِي، لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَهَّكُمْ، كَانُوا عَلَى أَنَّهُ قَلْبِ رَجُلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ؛ مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئاً، يَا عِبَادِي، لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَهَّكُمْ، وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَهَّكُمْ، كَانُوا عَلَى أَفْخَرِ قَلْبٍ رَجُلٍ وَاحِدٍ؛ مَا تَقْصَنَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي شَيْئاً، يَا عِبَادِي، لَوْ أَنَّ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجَهَّكُمْ، قَامُوا فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ قَسَّالُونِي، فَأَعْطَيْتُ كُلَّ إِنْسَانٍ مَسْأَلَةً؛ مَا تَقْصَنَ ذَلِكَ مَمَّا عِبَادِي الْأَكْمَانِ يَنْفُصُ الْمُجْيَطُ إِذَا دَخَلَ الْبَحْرَ، يَا عِبَادِي، إِنَّمَا</p>	Muslim, Sahih Muslim, No. 2477, Sahih	641	8057	61

		<p>هي أَعْمَالُكُمْ أَخْصِيَهَا لَكُمْ، فَمَنْ أَوْفَيْتُمْ إِيمَانًا،    فَمَنْ وَجَدَ خَيْرًا فَلَيَمْحُدَ اللَّهُ، وَمَنْ وَجَدَ شَرًّا    ذَلِكَ فَلَا يَلُومَنَّ إِلَّا نَفْسُهُ. وَفِي رِوَايَةِ إِبْرَاهِيمَ حَرْثُونَ    عَلَى نَفْسِي الظُّلْمُ وَعَلَى عَبْدِي، فَلَا تَظَالَّمُوا.</p> <p>Maksudnya: <i>Dari Abu Dzar Al Ghifari radhiyallahuhanhu dari Rasulullah shallallahu`alaihi wa sallam sebagaimana beliau riwayatkan dari Rabbnya Azza Wajalla bahwa Dia berfirman[1]: Wahai hambaku, sesungguhya aku telah mengharamkan kezaliman atas diri-Ku dan Aku telah menetapkan haramnya (kezaliman itu) di antara kalian, maka janganlah kalian saling berlaku zalim. Wahai hamba-Ku semua kalian adalah sesat kecuali siapa yang Aku beri hidayah, maka mintalah hidayah kepada-Ku niscaya Aku akan memberikan kalian hidayah. Wahai hamba-Ku, kalian semuanya kelaparan kecuali siapa yang aku berikan kepadanya makanan, maka mintalah makan kepada-Ku niscaya Aku berikan kalian makanan. Wahai hamba-Ku, kalian semuanya telanjang kecuali siapa yang aku berikan kepadanya pakaian, maka mintalah pakaian kepada-Ku niscaya Aku berikan kalian pakaian. Wahai hamba-Ku kalian semuanya melakukan kesalahan pada malam dan siang hari dan Aku mengampuni dosa semuanya, maka mintalah ampun kepada-Ku niscaya akan Aku ampuni. Wahai hamba-Ku sesungguhnya tidak ada kemudharatan yang dapat kalian lakukan kepada-Ku sebagaimana tidak ada kemanfaatan yang kalian berikan kepada-Ku. Wahai hamba-Ku seandainya sejak orang pertama di antara kalian sampai orang terakhir, dari kalangan</i></p>		
--	--	---	--	--

		<i>manusia dan jin semuanya berada dalam keadaan paling bertakwa di antara kamu, niscaya hal tersebut tidak menambah kerajaan-Ku sedikitpun. Wahai hamba-Ku seandainya sejak orang pertama di antara kalian sampai orang terakhir, dari golongan manusia dan jin diantara kalian, semuanya seperti orang yang paling durhaka di antara kalian, niscaya hal itu tidak mengurangi kerajaan-Ku sedikitpun juga. Wahai hamba-Ku, seandainya sejak orang pertama diantara kalian sampai orang terakhir semunya berdiri di sebuah bukit lalu kalian meminta kepada-Ku, lalu setiap orang yang meminta Aku penuhi, niscaya hal itu tidak mengurangi apa yang ada pada-Ku kecuali bagaikan sebuah jarum yang dicelupkan di tengah lautan. Wahai hamba-Ku, sesungguhnya semua perbuatan kalian akan diperhitungkan untuk kalian kemudian diberikan balasannya, siapa yang banyak mendapatkan kebaikan maka hendaklah dia bersyukur kepada Allah dan siapa yang menemukan selain (kebaikan) itu janganlah ada yang dicela kecuali dirinya. (Riwayat Muslim)</i>				
10	Kesombongan adalah Milik Allah <a href="https://vt.tiktok.com/ZS82DcuuR/">https://vt.tiktok.com/ZS82DcuuR/</a>	وعن أبي هريرة قال: قال رسول الله ﷺ: قال الله عزوجل: العجز إزارى، والكبرياءِ يذانى، فَمَن يُنَازِّعُ فِي واحِدٍ مِنْهُمَا فَقَدْ عَذَّبَهُ رَوَاهُ مُسْلِمٌ. Maksudnya: "Keagungan adalah pakaianKu, kesombongan adalah selendangKu, barangsiapa yang mencabutnya dariKu salah satu dari keduanya, maka Aku akan mengazabnya." [Hadits Qudsi riwayat Abu Daud, Ibnu Majjah, Ahmad, dishahihkan oleh al-Albani]	Muslim, Sahih Muslim, No. 2620, Sahih	22.3K	176.8K	710

## Perbincangan

Kajian ini telah mengumpulkan sebanyak 10 buah hadis qudsi yang telah banyak dikongsikan berulang kali oleh pengguna Tiktok. Keseluruhan hadis yang diperolehi kemudian dianalisis mengikut taraf hadis untuk mengetahui kesahihan hadis qudsi yang disebarluaskan. Kajian mendapati sebanyak 10 hadis qudsi yang popular dijumpai dalam aplikasi Tiktok, di mana 4 daripadanya bertaraf hadis sahih, 3 hadis bertaraf hasan, 2 hadis bertaraf da’if dan 1 daripadanya bukan hadis. Tiga daripada sepuluh buah hadis tersebut dikaji berdasarkan kesukaan dan tontonan yang paling tinggi oleh pengguna Tiktok, manakala tujuh daripadanya dikaji berdasarkan perkongsian yang paling banyak dan video yang di ‘hashtag’ sebagai hadis qudsi. Manakala kajian berkaitan akaun pengguna Tiktok yang menyebarkan hadis qudsi tidak termasuk dalam perbahasan kerana tiada akaun yang ditemui yang mengkhususkan untuk menyebarkan hadis qudsi sahaja. Keseluruhan hadis qudsi yang telah dikumpulkan menunjukkan bahawa setiap hadis yang dikongsikan dalam aplikasi Tiktok tidak kesemuanya merupakan hadis qudsi. Oleh itu, pengguna Tiktok perlulah terlebih dahulu mengenalpasti status hadis yang telah disebarluaskan dengan merujuk yang lebih pakar dalam bidang hadis atau kitab-kitab hadis sahih. Dapatkan kumpulan hadis ini menunjukkan juga masyarakat cakna dalam penyebaran hadis qudsi serta menjadikan aplikasi Tiktok sebagai medium pembelajaran ilmu agama yang lebih kreatif dan interaktif.

**Jadual 2: Taraf hadis berdasarkan carian popular hadis qudsi di aplikasi Tiktok**

Bil	Tema Hadis	Taraf Hadis
1	Allah Seperti Sangkaan Hambanya	Sahih
2	Allah Mengabulkan Doa	Tidak Sahih
3	Niat Yang Benar	Bukan hadis
4	Pentingnya Kesungguhan Dalam Kebaikan	Sahih
5	Bersabar Dengan Ujian	Hasan
6	Allah Maha Pengampun	Hasan Sahih
7	Tiga Mata yang Tidak Disentuh oleh Api Neraka	Hasan Lighairih
8	Jangan Takut Terhadap Kekuasaan	Tidak Sahih
9	Allah Mengharamkan Kezaliman	Sahih
10	Kesombongan adalah Milik Allah	Sahih

## Kesimpulan

Pengkaji telah menyelesaikan analisis terhadap 10 jenis hadis qudsi di TikTok yang masyhur dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati satu video yang didakwa sebagai hadis qudsi adalah hadis palsu dan ia mendapat tempat di hati masyarakat. Hal ini kerana bait-bait hadis tersebut yang menyentuh hati dan pembaca hadis mengalunkan hadis ini dengan irama penuh syahdu sehingga menjentik hati para pendengar. Justeru itu, penulis menggalakkan kepada masyarakat supaya meyelidik terlebih dahulu sesuatu perkara sebelum menyebarkannya. Seperti firman Allah S.W.T. di dalam Surah Al-Hujurat, ayat: 6.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءُكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِيٍّ فَتَبَيَّنُو

(“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka bertabayun (selidikilah untuk menentukan kebenarannya”).

Sesungguhnya terdapat hadis yang boleh disebar dan diamalkan. Maka elaklah dari menyebarkan hadis palsu kerana sabda Rasulullah,

وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبُوأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berdusta di atas namaku dengan sengaja maka siaplah tempatnya di dalam neraka.”

[Riwayat al-Bukhari (110)]

## Rujukan

- Abu Abdullah Muhammad bin Yazid bin Majah Al-Qazwini, (2009), *Sunan Ibn Majah*, Dar Al-risalah Al-alamiyah
- Abu Issa Muhammad bin Isa Al-Tirmidzi. (1996), *Sunan al-Tirmizi*, Beirut: Dar Al-Gharb Al-Islami
- Abul Husayn Muslim ibn al-Hajjaj Qushayri al-Nisaburi, (1955), *Sahih Muslim*, Kaherah: Matba’ah Isa Al Babi Alhalabi Washarakah
- Agis, D. P. (2021). *Penggunaan Aplikasi Tik Tok Dan Efeknya Terhadap Perilaku Keagamaan Remaja Islam Di Kelurahan Waydadi Baru Kecamatan Sukarame* (Doctoral dissertation, UNIVERSITAS ISLAM NEGERI RADEN INTAN LAMPUNG).
- Al-Qattan, M. K., & Mudzakir, A. S. (2016). *Studi ilmu-ilmu Quran*. bab Al-Quran, hlm. 28
- Al-Quran al-Karim
- Al-Sakhawiy, S. M. (2003). *Fath al-Mughith bi Syarh alfiyat al-Hadis lil 'Iraqiy*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah. Hlmn 156.
- Amanina, F (2021) *Guna TikTok Untuk Berdakwah, pengikut Mereka Cecah 1 Juta*, diakses pada November 8, 2022. dari <https://bm.soyacincau.com/2021/05/20/guna-tiktok-berdakwah-pengikut-mereka-cecah-1-juta/>
- Amelia, R., Habe, M. J., & Afriansyah, A. (2021). *Pesan Dakwah Husain Basyaiban Dalam Konten TikTok* (Doctoral dissertation, UIN Sultan Thaha Saifuddin Jambi).
- Amin, M. F. M., Salaeh, A., bin Abdul Halim, A., & Azmi, A. S. (2017). Konsep Dan Kedudukan Hadis Qudsi Menurut Ulamak Hadis. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*.
- Ayoup, M. M (2016), *IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-94: MAKNA HADITH QUDSI*, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada November 10, 2022. dari <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1081-irsyad-al-hadith-siri-ke-94-makna-hadith-qudsi>
- Azihan, N. S. I., & Osman, K. (2022) *Cabarhan Berdakwah Menerusi Media Sosial Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam Di Universiti Kebangsaan Malaysia*. SEMINAR DAKWAH & WAHDAH AL-UMMAH 2022, Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman, 14-15 Julai 2022, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Fanti. T. B. S. (2022). *Dakwah Melalui Aplikasi Tiktok Oleh Husain Basyaiban*. Fakultas Dakwah Dan Komunikasi Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Darussalam-Banda Aceh.
- Hayati, D. R. (2021). Pemanfaatan Media TikTok Sebagai Media Dakwah Oleh Ikhwan Mukhlis. *Purwokerto : UIN Prof. KH Saifuddin Zuhri. Diambil dari http://repository.iainpurwokerto.ac.id/11907*.
- Idris, A. F. (2017). *Memahami Kembali Pemaknaan Hadis Qudsi*. *International Journal Ihya' 'Ulum al-Din*, 18(2), hlm 142-146.
- Muhammad Ibn Ismail Abu Abdullah al-Bukhari (1994), *Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar al-Fikr
- Saad, N. F. F. M. (2022) *Keberkesanan Aplikasi Tiktok Dalam Menyampaikan Nilai Pengajaran Quran Dan Sunnah Dalam Kalangan Masyarakat*. Persidangan Antarabangsa

- Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) – Dalam Talian 22 & 23 Jun 2022 (eISSN 2811-4051)
- Salleh, N. M., Abdullah, M. F. R., Usman, A. H., Wazir, R., Ismail, A. Z., Shamsu, L. S. H., & Burhanuddin, N. A. B. (2020). *Kajian Terhadap Taraf Hadis dalam Penulisan Living Hadith. HADIS*, 10(19), 562-572.
- Shahril Nizam, Z., Norazmi, A., Mohd Syukri, M. N., Amran, A. H., Ahmad Sanusi, A., Syed Najihuddin, S. H., & Zulkifli, M. G. (2018). *Prestasi Aplikasi Hadis Digital (AHD) dalam Persekutaran Interaktif*. In *Proceedings* (pp. 57-66).
- Suleiman bin Ahmed bin Ayoub bin Mutair Al-Lakhmi Al-Shami, Abu Al-Qasim Al-Tabrani, (1431 H), *Mu'jam Al-Kabir*
- Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). *Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat. HADIS*, 12(23), 34-50.
- Wahab, N. A., Muhamad, N., & Ismail, M. S. (2019). *Media sosial sebagai medium dakwah masa kini* [social media as a medium dakwah nowadays]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 2(1), 14-23.
- Yuhadi, I., Murtini, N. B. M. N. B., & Yassir, M. Y. M. (2022). *HUBUNGAN ANTARA EDUKASI HADIS QUDSI DENGAN KARAKTER RELIGIUS PADA KOMUNITAS KAJIAN KEISLAMAN PROBOLINGGO. Al-Majaalis: Jurnal Dirasat Islamiyah*, 9(2), 279-294.